

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88
HGM 332 - Geografi Ekonomi

Tarikh: 15 April 1988

Masa: 2.45 petang - 5.45 petang
(3 Jam)

Jawab **EMPAT(4)** soalan. Setiap soalan bernilai 25 markah.

1. Tuliskan nota tentang dua(2) tajuk yang berikut:
 - (a) batasan-batasan yang menyongsangkan keluk profil sewa tanah di pusat bandar atau pada zon pinggir bandar-desa.
 - (b) impak pemilikan dan pengawalan di dalam satu sektor ekonomi.
 - (c) peranan threshold barang dalam penentuan sistem pusat petempatan.
2. Perdagangan barang buatan dari negara perindustrian baru (NIC) menghadapi tekanan-tekanan luaran dan dalaman. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada kes-kes tertentu.
3. Sejauh manakah boleh dibahaskan bahawa tenaga adalah petunjuk utama dalam evolusi kebudayaan dan ekonomi manusia.
4. Apakah cabaran baru yang dihadapi oleh perancang-perancang dan perserta-perserta pembangunan desa. Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh dari negara sedang membangun.
5. Bincangkan ciri-ciri sistem-sistem pertanian di dalam empat organisasi ekonomi dengan merujuk kepada kebaikan dan kelebihannya.

6. Tindakan koperasi antarabangsa tentang pilihan projek, pelaburan, lokasi kemudahan dan cara pembahagian keuntungan tidak sesuai dengan keperluan pembangunan, aspirasi, minat dan tujuan pembangunan negara-negara sedang membangun. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.
7. Kovarian di antara angkubah penduduk dan angkubah pembangunan ekonomi dirujuk dalam persamaan Ackermann. Bincangkan kesesuaian persamaan ini pada analisis konsep sumber.

•-oooo000oooo-